

Headline	Kadar penghidap HIV meningkat	Language	MALAY
Date	17. May 2009	Page No	S4
Media Title	Sinar Harian	Article Size	128 cm2
Section	Selangor & KL	Frequency	Daily
Circulation	60000	Color	Full Color
Readership	0	AdValue	705.82



Nisbah 10 lelaki: 1 wanita

Kadar penghidap HIV meningkat

KUALA LUMPUR - Kadar jangkitan virus HIV positif di negara ini semakin membimbangkan apabila nisbah terkini menunjukkan lebih 10 orang lelaki dijangkiti virus terbahit berbanding seorang wanita.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun berkata, nisbah berkenaan mencatatkan peningkatan berbanding rekod pada 1993 iaitu 7 lelaki 1 wanita.

"Penularan virus juga semakin membimbangkan dalam kalangan wanita dan kanak-kanak, kementerian memandang berat isu ini dan kami sentiasa mengadakan pelbagai program kesedaran kepada masyarakat bagi membendung gejala ini.

"Kementerian sentiasa bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melalui program pemulihan, kaunseling selain pemberian jarum suntikan dan kondom kepada mereka yang berisiko dijangkiti seperti pekerja seks dan penagih dadah," katanya.

Menurutnya, golongan wanita perlu berwaspada kerana trend jangkitan HIV yang membawa kepada sindrom kurang daya tahan penyakit (AIDS) semakin menular melalui hubungan seks berbanding kadar jangkitan HIV melalui penagihan dadah yang semakin menurun.

"Oleh itu suri rumah perlu meningkatkan langkah berjaga-jaga jika ahli keluarga termasuk suami didapati positif HIV," katanya pada Majlis Perasmian Hari Memperingati AIDS Antarabangsa di Pusat Khidmat Sokongan Sosial Yayasan PT di Jalan Raja Laut.

Sementara itu, sehingga akhir 2008 lebih 85,000 telah dijangkiti virus HIV, dan lebih 12,000 ribu rakyat Malaysia meninggal dunia disebabkan AIDS.

Pengerusi Yayasan PT Hisham Hussein berkata, kadar penularan virus HIV dalam kalangan wanita Malaysia telah meningkat kepada 19.1 peratus pada 2008 berbanding 9.4 peratus pada 2000.

"Kadar penularan juga semakin membimbangkan bagi golongan yang berisiko seperti golongan homoseksual, pondan, pekerja seks dan penagih," katanya.